

20/08/2001

Penerbangan Muhibah 2001 kembali hari ini

Mohd Zin Ali in Bangkok

BANGKOK, Ahad - Anggota ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 yang menyampaikan watiwah jemputan ke Sukan Sea-Kuala Lumpur 2001 ke lima negara Asean dijangka kembali ke tanah air, esok.

Mereka yang kembali dengan pesawat CN 235 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu membawa tujuh anak kapal, lapan wartawan dan sebahagian anggota ekspedisi, dijangka mendarat di Pangkalan TUDM Subang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bangkok di sini, kira-kira jam 11 pagi waktu Malaysia.

Ekspedisi selama 17 hari mengikut laluan Utara diketuai Abdul Latiff Endot, setiausaha sulit kanan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein menyampaikan watiwah jemputan menghadiri Sukan Sea XXI kepada kerajaan Myanmar, Laos, Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Sementara itu, dua pesawat eksperimental Zodiac Rakan Muda dijangka meninggalkan Bangkok, esok kira-kira jam 8 pagi menuju Phuket dan bermalam di sana.

Pesawat 9M-ERA dan 9M-ERM yang dipasang oleh anggota Rakan Muda Rekreasi Udara pada 1997 itu kemudian akan bermalam di Sitiawan sebelum meneruskan perjalanan ke Pangkalan TUDM Subang dan menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali ke tanah air dari luar negara, Rabu ini.

Sementara itu, pengurus kejuruteraan Kenari Technologies Sdn Bhd, Ahmad Dollah, berkata dua pesawat Zodiac dalam keadaan baik sepanjang perjalanan membabitkan sejauh lebih 4,000 batu nautika itu.

Kenari Technologies adalah syarikat yang mengendalikan kerja penyelenggaraan dua pesawat yang mempunyai 100 dan 80 kuasa kuda itu. Selain Ahmad, kerja penyelenggaraan dijalankan oleh jurutera penyelenggara, Supli Mat dan jurutera elektrik, Sarinah Mohd Sabran.

Ahmad berkata, pihaknya sudah menjalankan penyelenggaraan ke atas kedua-dua pesawat berkenaan semalam dan mendapati enjin dalam keadaan memuaskan walaupun menghadapi keretakan pada ekzos.

Bagaimanapun, katanya, prestasi enjin pesawat tidak akan berkurangan disebabkan keretakan pada ekzos sudah diatasi.

"Pemeriksaan dari semasa ke semasa juga dijalankan ke atas kedua-dua pesawat bagi setiap sektor yang dilalui untuk menjamin keselamatannya," katanya.

(END)